

## **MEMPERBETULKAN TANGGAPAN MASYARAKAT TENTANG STPM**

Oleh: Yusra Syazana binti Yuslan, 1171160,  
Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)  
*Disiarkan pada 30 July 2020*

Persoalan tentang hala tuju sering kita dengar atau kita sendiri pernah fikirkan selepas menerima keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Membuat keputusan untuk melanjutkan pelajaran di tingkatan enam bukanlah satu perkara yang mudah, ditambah pula dengan sikap ibu bapa yang lebih suka jika anak-anak memasuki universiti atau kolej berbanding tingkatan enam.

Malah, segelintir anggota masyarakat yang merendah-rendahkan dan menganggap bahawa tingkatan enam tidak mendatangkan faedah yang banyak. Adakah tanggapan ini benar?

Belajar di tingkatan enam dan menduduki Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tidak boleh dianggap membazir masa. Pengajian yang hanya mengambil masa kira-kira setahun setengah bukan tempoh yang panjang.

Tempoh setahun setengah yang bersamaan dengan tiga semester itu tidak terasa lama jika pelajar fokus menyelesaikan tugas dan peperiksaan akhir semester. Satu semester hanya memakan masa empat ke lima bulan sahaja.

Selain itu, pengajian tingkatan enam ini boleh dikatakan sebagai platform termudah untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat ijazah.

Mungkin ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak tahu bahawa pelajar lepasan SPTM merupakan kelompok terbesar yang diterima memasuki universiti awam.

Merujuk kepada data kemasukan peringkat Ijazah Sarjana Muda bagi sesi akademik 2019/2020, statistik menunjukkan bahawa pelajar-pelajar baharu terdiri daripada calon lulusan Sijil Tinggi

Persekolahan Malaysia (STPM) dengan kemasukan seramai 2,785 orang, Diploma seramai 488 orang, Matrikulasi seramai 892 orang, Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) seramai 161 orang manakala pelajar antarabangsa pula seramai 197 orang.

Statistik itu jelas membuktikan bahawa lebih ramai pelajar STPM yang berjaya dalam permohonan melanjutkan pengajian peringkat ijazah pertama di Malaysia.

Segelintir rakyat Malaysia tidak tahu bahawa STPM menerima pengiktirafan daripada kerajaan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Cambridge Assessment, England. Sijil STPM turut diterima oleh JPA untuk mengisi kekosongan jawatan dalam perkhidmatan kerajaan.

Pada masa yang sama, pengajian di tingkatan enam kurang diberi perhatian kerana mentaliti masyarakat yang beranggapan pelajar terikat dengan peraturan seperti di sekolah menengah.

Kini, peraturan berpakaian pelajar tingkatan enam telah diubah menjadi sedikit bebas. Mereka kini dibenarkan untuk memakai pakaian kasual ke sekolah.

Kelonggaran ini diberikan kerana Kementerian Pendidikan Malaysia ingin menampakkan perbezaan antara pelajar SPM dan STPM, sekali gus mengangkat taraf pelajar STPM seiring seperti pelajar di universiti atau kolej.

Melihat kepada fakta-fakta yang disebutkan tadi, wajarlah kita mengubah tanggapan yang kurang tepat tentang STPM.

Mungkin ada dalam kalangan kita yang menganggap tingkatan enam diwujudkan sekadar untuk memberi peluang kedua kepada pelajar yang tidak menerima keputusan SPM yang cemerlang.

Tanggapan itu tidak begitu tepat kerana pelajar-pelajar yang memasuki tingkatan enam lebih bersedia untuk berdepan dengan alam akademia yang lebih mencabar di universiti.

